



**PPK 221: KEMAHIRAN MEMBACA, MENULIS & MENGIRA DALAM
PENDIDIKAN KHAS**

LAPORAN STORY SACK

TAJUK LAPORAN STORY SACK: SANG KANCIL DAN HELAHNYA

NAMA PENSYARAH:

DR. ROZNIZA BINTI ZAHARUDIN

NAMA AHLI KUMPULAN 1:

MUHAMMAD ABIDI BIN ISMAIL (143161)

MUHAMMAD AIDIEL FAIQ BIN MAZLAN (143071)

NURUL AYUNI HASANAH BINTI MOHD SABERI (143161)

NURNAJIHA BINTI MOHAMAD HARON (142972)

NOR FATIHAH BINTI ABDUL SANI (140757)

ESTHER DORA MUSTAPA (140872)

NUR SYUHADA BINTI MUSTAFFA (141427)

MASYITAH BINTI ABD RASHID (144363)

NOR AHFIZA BINTI MAT (14049)

NURUL FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan tugas yang diberikan bagi mata pelajaran Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira dalam Pendidikan Khas (PPK 221) sidang akademik 2018/ 2019 semester 2. Kami telah diberikan tanggungjawab untuk kami menyempurnakan laporan pembinaan *story sacks* yang telah diusahakan yang bertajuk “ Sang Kancil dan Helahnya” ini bagi memenuhi keperluan subjek ini. Projek *story sack* telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor, Pulau Pinang pada hari hari Isnin bersamaan dengan 22 April 2019.

Dengan kesempatan yang diberikan ini kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi membantu kami dalam proses menyiapkan tugas saya. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelaras subjek Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira dalam Pendidikan Khas (PPK 221), iaitu Professor Dr. Rozniza Zaharudin yang tidak pernah jemu membantu, memberi nasihat kepada kami, sepanjang tempoh kami menyiapkan laporan ini.gus menjadi pendorong kepada bagi sepanjang proses menyiapkan *story sack*. Selain itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada Professor Madya Dr. Fadzillah Amzah kerana turut memantau persembahan kumpulan kami serta memberi cadangan penambahbaikan.

Tidak lupa juga kepada Pengetua Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor serta guru-guru yang terlibat bagi menjayakan program *story sack* yang diadakan di sana. Selain daripada memberi layanan yang baik kepada kami, pihak sekolah turut berbesar hati menyediakan pelajar sekolah kepada kami bagi memeriahkan lagi program ini. Tanpa sokongan dan bantuan yang diberikan, kami tidak dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya mengikut tentatif yang telah ditetapkan.

Tidak lupa juga, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang turut sama membantu kami dalam memberi tunjuk ajar, memberi maklumat serta informasi terkini mengenai laporan *story sacks* yang kami lakukan. Terima kasih atas segala jasa kalian bagi meluangkan masa memberi maklumat kepada kami disamping bersama-sama menyempurnakan laporan pembinaan *story sacks* dalam kumpulan masing-masing.

Akhir sekali, terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan laporan *story sacks* ini. Segala tunjuk ajar dan bantuan daripada anda semua amat kami hargai. Sekian, terima kasih.

1.0 PENGENALAN

1.1 DEFINISI STORY SACK

Story sack merupakan satu kaedah atau pendekatan baharu yang kian popular digunakan oleh ibu bapa atau penjaga untuk menarik perhatian anak-anak untuk belajar. Kanak-kanak khususnya akan lebih teruja untuk belajar apabila pendekatan yang digunakan untuk belajar berbeza. Kaedah yang unik serta kreatif dapat menarik minat anak-anak untuk belajar tanpa rasa bosan.

Story sack atau karung cerita atau guni merupakan sebuah beg besar yang mengandungi buku cerita kanak-kanak iaitu '*big book*' atau buku besar dengan bahan sokongan seperti '*prop*' dan bahan aktiviti untuk merangsang aktiviti 3M untuk kanak-kanak iaitu aktiviti membaca, menulis dan mengira. Kanak-kanak akan mempunyai pengalaman yang menyeronokkan apabila dapat belajar dengan menggunakan '*big book*' ataupun buku besar yang mempunyai grafik dan gambar yang berwarna warni. Suasana belajar yang santai juga akan dapat membuatkan kanak-kanak belajar dengan tenang tanpa tekanan. Selain itu, ditambah dengan penggunaan prob dan bahan-bahan sokongan yang menarik seperti topeng dan latar belakang pemandangan akan dapat membuatkan kanak-kanak lebih memahami situasi jalan penceritaan, walaupun kemampuan untuk membaca untuk kanak-kanak terbatas. Karung cerita itu juga diisi dengan permainan berdasarkan aktiviti membaca, menulis dan mengira.

Ibu bapa atau penjaga perlu tahu tentang bagaimana untuk berkongsi karung cerita dengan anak-anak mereka supaya anak-anak dapat menjalani proses pembelajaran dengan lebih menyeronokkan. Pada sesi akhir latihan ini ibu bapa atau penjaga akan mendapati anak mereka yang tidak boleh membaca, kini dapat melakukannya serta dapat menceritakan semula kisah tersebut.

Karung cerita atau *story sack* kini semakin banyak digunakan di sekolah dan merupakan salah satu cara untuk menjalani proses pembelajaran di sekolah dan merupakan salah satu cara untuk cara untuk mendapatkan seluruh masyarakat yang terlibat dalam kehidupan sekolah. Kumpulan seperti Institut Wanita, perniagaan dan penghuni penjara setempat, serta ibu bapa sendiri, semuanya terlibat dalam membuat karung untuk sekolah. Karung cerita semakin digunakan oleh kumpulan lain seperti Sure Start, perpustakaan awam, kumpulan permainan, pelawat kesihatan, ahli terapi pertuturan, pekerja sosial, hospital kanak-kanak, penjara, pusat

keluarga dan pelajar dewasa. Banyak pihak berkuasa tempatan telah membina aktiviti *karcis* cerita menjadi kursus terakreditasi untuk orang dewasa, yang sebahagiannya meneruskan kumpulan pendidikan dewasa, menjadi sukarelawan membaca, dalam beberapa kes, yang membawa kepada pekerjaan dan latihan.

(http://www.wikireadia.org.uk/index.php?title=Story_sacks)

1.2 Tajuk Buku Cerita

Tajuk buku cerita yang kami hasilkan adalah bertajuk '**Si Kancil dan Helahnya**'. Tajuk buku cerita kami dicadangkan oleh salah seorang daripada ahli kumpulan kami dan kami semua telah bersetuju untuk menggunakan tajuk tersebut. Kami memilih cerita tersebut kerana banyak pengajaran dan teladan yang boleh dipelajari oleh kanak-kanak yang kami akan ceritakan kisah buku cerita tersebut. Selain itu, kami juga telah mengubah dan menulis cerita yang ringkas dan penuh dengan isi, konteks yang sesuai serta penggunaan bahasa yang mudah dan ringkas untuk memudahkan kanak-kanak memahami jalan penceritaan tersebut dengan lebih mendalam..

Buku cerita '**Si Kancil dan Helahnya**' sangat membantu untuk kami menghasilkan *story sack* atau karung cerita yang mempunyai pelbagai bahan-bahan yang diperlukan bagi mewujudkan lagi watak-watak dalam cerita tersebut. Bahan-bahan yang maujud sangat diperlukan dan sesuai dengan *story sack* yang kami gunakan untuk bercerita kepada kanak-kanak iaitu merupakan pelajar sekolah rendah.

Dalam penggunaan *story sack* atau karung cerita, kami telah gunakan pelbagai bahan yang sesuai untuk menjadikan watak-watak dalam cerita tersebut menarik. Sebagai contoh, kami telah membuat topeng haiwan menggunakan watak yang terdapat dalam jalan cerita, 'Si Kancil dan Helahnya'. Selain itu, kami juga telah membuat prop atau latar belakang pemandangan jalan penceritaan untuk menambahkan kefahaman kepada kanak-kanak. Selain itu juga, kami juga menggunakan prop yang sebenar, contohnya prop pokok. Kami telah menggunakan dedaun pokok yang betul dan hidup bagi menunjukkan situasi jalan penceritaan yang sebenar.

1.3 AHLI KUMPULAN

Pemilihan ahli kumpulan telah dipilih oleh pensyarah kami sendiri iaitu Professor Dr. Rosniza Zaharudin. Kami merupakan ahli dari kumpulan 1 yang terdiri daripada 10 orang ahli iaitu Muhammad Abidi Bin Ismail (143161), Muhammad Aidiel Faiq Bin Mazlan (143071), Nurnajihah Binti Mohamad Haron (142972), Esther Dora Mustapha (140872), Nor Fatihah Binti Abdul Sani (140757), Nur Syuhada Binti Mustaffa (141427), Nurul Fikrah Binti Aziz (141428), Nor Afhiza Binti Mat (142049), Nurul Ayuni Hasannah Binti Mohd Saberi (142994) dan Masyitah Binti Abdul Rashid (144363).

Kami berasa sangat bersyukur kerana mendapat ahli kumpulan yang sangat memberi kerjasama sepanjang proses menyiapkan ‘story sacks’ ini berlangsung. Kesemua ahli kumpulan juga masing-masing mempunyai kelebihan yang tersendiri dan sangat kreatif dalam menghias dan memberi idea semasa menghasilkan ‘story sacks’ ini. Hal ini telah memudahkan kerja-kerja penyiapan ‘story sacks’ ini berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang masalah.

1.4 TUJUAN DAN MATLAMAT PROJEK

‘Story Sacks’ ini dilaksanakan kerana ingin memberi pendedahan tentang pengetahuan dan kemahiran asas 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira kepada kanak-kanak khususnya murid-murid prasekolah, pemulihan khas serta pelajar Pendidikan khas. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga kemahiran ini amatlah penting bagi setiap murid bagi membantu mereka supaya dapat membaca, menulis dan mengira dengan baik.

Selain itu, bakal pendidik seperti kami juga secara tidak langsung dapat membuat persediaan awal serta dapat melatih diri sebelum menjadi guru pada masa akan datang. Kami juga dapat melatih diri untuk memberi pengajaran yang teratur dan berkualiti kepada semua pelajar di setiap peringkat umur. Projek ini juga dapat menarik minat pelajar untuk belajar kerana proses penyampaian ilmu yang diberi adalah dalam bentuk bercerita yang disertakan dengan gambar-gambar yang menarik.

Kemahiran asas 3M ini boleh dilakukan dalam pelbagai cara seperti bercerita (story sacks). Kaedah bercerita ini merupakan salah satu alat bantuan mengajar (ABM) yang boleh digunakan oleh semua pendidik supaya para pelajar akan lebih seronok untuk belajar di dalam kelas. Pujian serta hadiah juga boleh diberikan kepada pelajar jika mereka dapat menjawab soalan yang diberikan oleh guru. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi galakkan kepada mereka untuk terus aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

2.0 PERSEDIAAN

i) Pemilihan cerita

Kami memilih cerita Sang Kancil dan Tipu Helahnya kerana mempunyai banyak watak yang dapat memberikan pengajaran dan karakter yang dekat dengan kanak-kanak. Watak-watak kami berdasarkan haiwan-haiwan iaitu kancil, kerbau, harimau, ular dan buaya.

Pada asalnya, cerita ini diambil daripada cerita Sang Kancil dan Buaya tetapi kami telah menambah beberapa jalan cerita dan beberapa watak untuk menjadikan cerita lebih menarik. Selain itu, kami akan selitkan pengajaran di setiap jalan cerita kami berdasarkan perwatakan.

Sebelum ini kami mengalami beberapa kekangan dalam memilih tajuk. Oleh itu kami memilih cerita Sang Kancil dan Buaya. Kami mengambil keputusan untuk mengubah jalan cerita untuk menjadikannya lebih menarik. Setelah mendapat kata sepakat, maka tajuk cerita kami diubah kepada Sang Kancil dan Tipu Helahnya dan menambahkan beberapa watak ke dalam jalan cerita.

ii) Pemilihan bahan cerita

Bahan yang kami pilih untuk bercerita kebanyakannya bahan yang dibeli sendiri, barang yang sedia ada dan bahan kitar semula untuk menghasilkan prop dan big book seperti :

1. Kotak terpakai

2. Mounting board

3. Kertas warna

4. Batang ais krim

5. Kapas

6. Spray cat

7. Gam glitter

8. Kain
9. Double tape
10. Kertas mahjung

iii) Pengagihan tugas ahli

Bagi pengagihan tugas ahli, kami mengikut kebolehan ahli untuk melaksanakan tugas. Berikut merupakan tugas yang telah diagihkan :

1. Teks dan jalan cerita : Ayuni, Masyitah
2. Prop dan big book : Semua
3. ABM : Fatihah, Ayuni, Afhiza, Najihah, Fikrah
4. Pencerita : Syuhada
5. Pemegang watak : Fatihah, Aidiel, Abidi, Ayuni, Ester
6. Ketua ABM : Fikrah

3.0 PELAKSANAAN PROJEK DI SEKOLAH

BUTIRAN PROJEK;

NAMA SEKOLAH : Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor

TARIKH : 22 April 2019

HARI : Isnin

MASA : 8.00 pagi-10.30pagi

BILANGAN PELAJAR : 7 orang (Gabungan pelajar Tahun 1 hingga tahun 4)

A. Perjumpaan Kumpulan



Perjumpaan pertama kumpulan untuk berbincang tentang *story sacks*





Semasa proses penyediaan *story sacks*, props dan aktiviti 3M





Hasil akhir *story sacks*, props dan aktiviti 3M

B. Pelaksanaan Projek di Sekolah



Semasa berada di SK. Bukit Jelutong



Sesi suai kenal bersama pelajar



Sesi menyanyi dan menari bersama pelajar



Sesi bercerita



Sesi aktiviti 3M bersama pelajar



Sesi fotografi bersama guru dan pelajar

AKTIVITI DAN BAHAN YANG DIGUNAKAN UNTUK MEMBANTU DALAM PROSES BERBERITA

1. MEMBACA

Buku Cerita

- Kami telah menghasilkan sebuah buku cerita kami sendiri dengan menggunakan pebagai kertas serta mempunyai pelbagai warna yang menarik. Pencerita akan meminta pelajar untuk bersama-sama membaca dengan pencerita.

Papan Aktiviti

- Bagi papan aktiviti membaca kami menggunakan kertas minyak yang dialaskan dengan kertas lukisan bagi mengukuhkan kertas minyak. Seterusnya kami melukiskan sarang labah-labah diatas kertas minyak dan kami menampalkan gambar tapak kaki yang dicetak diatas kertas pelbagai warna. Gambar itu kami telah menulis suku kata bagi haiwan. Pelajar hendaklah berdiri diatas suku kata setelah kami menyebutkan perkataan. Aktiviti ini dinamakan sebagai “spider word”.

2. MENULIS

Papan Aktiviti

- Soalan disediakan diatas kertas manila memerlukan pelajar menjawab soalan dengan menulis jawapan diruang yang telah disediakan dengan menggunakan “marker pen”. Aktiviti ini disediakan gambar dan perkataan yang salah dan betul. Terlebih dahulu murid mengenalpasti haiwan apa dan memilih perkataan yang betul sambil mengeja.

Setelah murid memilih perkataan yang betul, murid dikehendaki menulis diatas ruang yang disediakan.

- Papan ini menggunakan kad manila yang telah tersedia soalan. Pelajar dikehendaki padankan jawapan yang betul mengikut gambar haiwan tersebut. Sebelum pelajar menggariskan jawapan, semua pelajar mengeja perkataan mengikut suku kata. Setelah selesai mengeja pelajar dipilih untuk menjawab soalan dengan menggariskan jawapan menggunakan “marker pen”.

3. MENGIRA

Buku Cerita (buat sendiri menggunakan kad manila hitam dan kertas warna)

- Dalam cerita yang direka khas oleh ahli kumpulan kami sendiri, kami menyediakan slot khas dalam cerita tersebut untuk slot mengira bersama pelajar. Sebagai contohnya, para pelajar mengira 7 ekor buaya yang berbaris dipermukaan sungai dalam cerita tersebut.

Bahan Bantu Cerita (Buaya yang diperbuat daripada kad manila)

- Origami buaya yang diperbuat daripada kad manila serta seekor sang kancil. Pelajar akan mengira sambil menyanyi bersama kami serta membuat gaya melompat.

Papan Aktiviti

- Soalan di papan aktiviti memerlukan pelajar menjawab soalan dengan menulis nombor diruang yang disediakan. Sebelum menulis nombor dituliskan pelajar mengenal pasti haiwan apakah dan membilang berapa ekor haiwan yang terdapat di dalam kotak tersebut. Jawapan juga ditulis menggunakan “marker pen”.

**untuk setiap aktiviti menjawab soalan yang menggunakan ABM ini, kami menyediakan sedikit cenderahati kepada pelajar iaitu “topeng haiwan”.*

RESPONS DAN REAKSI KANAK-KANAK SEMASA PROSES BERCERITA

AWAL PROSES BERCERITA

- Semasa kami ingin bercerita kanak-kanak tersebut memberi reaksi yang luar biasa iaitu mereka sangat teruja untuk mendengar kami cerita dan berasa tidak sabar.
- Selain itu, mereka juga agak malu apabila kami bertanya dan mereka juga tertarik dengan buku cerita yang kami tunjuk kepada mereka. Mereka juga amat menyukai dan tertarik bahan bantu mengajar yang telah kami sediakan untuk digunakan semasa proses bercerita.
- Reaksi kanak-kanak tersebut telah membuat kami terasa teruja dan tidak sabar untuk bercerita kepada mereka.

PERTENGAHAN PROSES BERCERITA

- Semasa proses bercerita sedang berjalan, pelajar-pelajar disitu telah menunjukkan respon yang sangat baik. Mereka menunjukkan fokus yang amat baik ketika proses bercerita dijalankan.
- Mereka juga dapat menjawab soalan yang telah diajukan oleh kami. Hal ini menunjukkan bahawa mereka memahami apa yang telah disampaikan oleh kami dan akhirnya mereka juga dapat memahami konsep bercerita menggunakan kaedah “*story sacks*”.

AKHIR PROSES BERCERITA

- Semasa di akhir cerita pelajar menunjukkan reaksi gembira dan seronok kerana menurut mereka ini merupakan kali pertama mereka mendengar cerita sambil menggunakan alat bantu mengajar yang amat cantik dan menarik perhatian mereka.
- Ketika sesi aktiviti soal menjawab soalan dengan menggunakan alat bantu mengajar, pelajar-pelajar tersebut menunjukkan respon yang sangat positif iaitu mereka bersaing sesama sendiri untuk menjawab soalan. Kami sangatlah gembira kerana mereka telah memberikan respon yang sangat positif kepada kami.

4.0 CABARAN DAN LANGKAH MENGATASI

4.1 CABARAN YANG DIHADAPI

(i) Kekangan Masa

Kami diberi masa selama satu jam dan terpaksa berhenti pada jam 10.30 pagi kerana murid akan dilepaskan untuk berehat. Jadi ada beberapa aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya seperti aktiviti mewarnakan topeng haiwan.

(ii) Suasana Tempat

Semua kumpulan ditempatkan di dalam satu Dewan, jadi agak begitu sesak dan menjelaskan suara watak yang sedang dimainkan kerana terdapat gangguan bunyi dari kumpulan lain.

(iii) Mengambil Perhatian Murid

Agak sedikit sukar untuk kami memastikan murid sentiasa memberi perhatian semasa proses bercerita dilakukan. Ada di antara mereka yang malu untuk memperkenalkan diri dan kelihatan tidak ceria pada proses suai kenai.

4.2 LANGKAH MENGATASI

(i) Kekangan Masa

Atas faktor kekangan masa, kami menyuruh murid-murid melakukan aktiviti mewarna topeng haiwan semasa di rumah dan memberi mereka jenis topeng haiwan yang mereka sukai. Jadi sebagai penutup untuk menyegerakan penutup kami akhiri dengan aktiviti menari lagu Baby Shark yang mampu menarik minat murid.

(ii) Suasana Tempat

Kami memilih untuk mengajak murid-murid ke atas pentas dewan sambil melakukan aktiviti dan menari lagu kanak-kanak. Secara tidak langsung ruang di atas pentas dewan lebih luas dan murid-murid bebas melakukan aktiviti dan suara kami menjadi lebih jelas untuk memberi arahan kepada murid berikutnya tempat tersebut yang agak jauh dari kumpulan lain.

(iii) Mengambil Perhatian Murid

Kami mula memanggil nama murid yang tidak menfokuskan perhatian sepanjang proses penceritaan dan memberi mereka peluang untuk bermain permainan yang telah kami reka. Dengan cara ini mereka menjadi lebih aktif dan berminat apabila kami memanggil nama pelajar satu persatu dan memberi peluang supaya mereka lebih menonjol.

5.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROJEK

- i) Melaksanakan projek mengikut giliran

Untuk memaksimumkan kefahaman dan pengetahuan murid-murid, projek ini hendaklah dilaksanakan megikut giliran. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa kumpulan kami menjalankan aktiviti story sack ini, kumpulan yang lain juga menjalankan proses penceritaan mereka. Hal ini akan menyebabkan murid-murid tidak dapat memberikan sepenuh perhatian kepada proses penceritaan story sack kumpulan kami serta kumpulan lain.

- ii) Teknik Fonik

Setiap kumpulan haruslah menguasai dan mengetahui teknik mengeja suku kata dengan betul seperti teknik fonik. Teknik fonik memerlukan seseorang guru itu mengeja suku kata menggunakan bunyi. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan kekeliruan kepada murid-murid terhadap pelajaran yang diajar oleh guru-guru mereka.

- iii) Persamaan umur murid

Murid-murid yang mengikuti proses penceritaan story sacks ini terdiri daripada murid-murid yang berbeza umur dan darjah. Sebagai contoh, terdapat beberapa orang murid yang terdiri daripada darjah dua dan murid-murid darjah lima. Hal ini menyebabkan story sack kami tidak dapat sambutan yang agak baik dalam kalangan murid-murid darjah lima, kerana story sacks kami dikhurasukan untuk kemahiran 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah pastinya murid-murid darjah lima sudah mampu untuk menguasai kemahiran 3M tersebut.

6.0 MANFAAT PROJEK (REFLEKSI)

REFLEKSI DIRI

NAMA : MUHAMMAD ABIDI BIN ISMAIL

NO MATRIK : 143161

Sebelum

Saya sangat bersyukur kerana semua ahli kumpulan dapat memberi komitmen dalam menyiapkan segala persiapan dan Alat Bantu Mengajar. Boleh dikatakan kami semua saling melengkapi antara satu sama lain kerana masing-masing ada peranan yang tersendiri dan boleh melakukan bahagian mereka tanpa perlu diberi arahan. Saya sangat seronok dapat meluangkan masa bersama rakan-rakan di Astaka Padang Kawad sambil membuat props dan masing-masing bergilir-gilir untuk mengambil alih tugas sewaktu rakan mahu berehat.

Semasa

Sewaktu penyampaian cerita dijalankan saya dapat mengimbau zaman ketika berada di sekolah rendah dahulu dan melihat betapa kreatif para pelajar dari Pendidikan Khas mereka sebuah cerita yang mampu diolah menjadi seperti cerita yang reality dengan bantuan topeng dan gaya haiwan dari rakan-rakan kumpulan saya. Selain itu, saya dapat lihat masing-masing mengenepikan perasaan malu di hadapan murid-murid kerana sebagai seorang bakal guru perlulah berani untuk melakukan sesuatu di hadapan murid supaya mereka lebih berminat untuk belajar.

Selepas

Setelah selesai penceritaan saya dapat merasakan ikatan persahabatan yang kukuh dalam diri ahli kumpulan kerana kami bersama-sama berjuang bagi menghasilkan sebuah penceritaan yang terbaik bagi murid-murid SK Bukit Gelugor. Di samping itu, kami dapat merasakan bagaimana perasaan menjadi seorang guru dan mengawal karenah murid yang bermacam ragam. Jadi, melalui ‘story sack’ ini telah membantu saya untuk menjadi lebih kreatif dan pengalaman memainkan watak sebagai ‘Sang Ular’. Saya amat bersyukur dengan dorongan dan bantuan dari Dr. Rosniza Zaharudin selaku pensyarah bagi kursus PPK221.

NAMA: NOR AFHIZA BINTI MAT

NO.MATRIK: 142049

SEBELUM

Kumpulan *story sacks* yang dibentuk berdasarkan undian oleh pensyarah telah banyak memberi pengajaran dan pengetahuan baharu kepada saya terutamanya daripada segi kepimpinan dan kerjasama dalam kumpulan. Kumpulan *story sacks* ini memberi manfaat kepada saya untuk bekerja dengan ahli kumpulan yang tidak pernah bekerja dalam kumpulan yang sama. Kami telah melantik ketua kumpulan bagi mengetuai kumpulan kami kerana projek ini memerlukan pembahagian tugas yang sama rata. Selain itu, kami juga telah menyusun jadual untuk melakukan perjumpaan ahli kumpulan. Setiap ahli kumpulan mempunyai jadual yang berlainan dan mempunyai komitmen masing-masing. Justeru itu, sikap tolak ansur dalam ahli kumpulan dapat ditingkatkan. Selain itu, saya dapat belajar untuk menyumbangkan idea dalam memilih tajuk cerita serta bahan untuk Alat Bantu Mengajar (ABM).

Walaupun penat dan perlu mengeluarkan sedikit kos, saya berasa berpuas hati dan terharu dengan segala usaha ahli kumpulan dalam menjayakan projek *story sacks* ini. Kumpulan kami berkesempatan untuk melakukan “demo” di dalam kelas yang disaksikan oleh pensyarah dan rakan sekelas. Kami berasa amat bersyukur kerana mendapat pandangan dan nasihat daripada mereka yang lebih berpengalaman. Oleh itu, kami dapat menambahbaikan *story sack* kami sebelum projek itu dijalankan pada tarikh yang ditetapkan.

Pelbagai halangan dan cabaran yang saya hadapi bersama-sama dengan ahli kumpulan saya dalam menjayakan projek *story sacks* kami ini. Hal ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan silatulrahim di antara kami.

SEMASA

Setelah tiba di sekolah kebangsaan yang telah dipilih oleh pensyarah kami, pelbagai perasaan yang bercampur baur ada dalam diri saya. Perasaan gementar sudah pasti ada bila tibanya masa untuk kami mempersembahkan projek *story sacks* kami dihadapan murid-murid sekolah kebangsaan. Malah, perasan teruja juga dapat dirasakan setelah kami melihat murid-murid yang akan kami mempersembahkan projek *story sack*. Di samping itu, saya yakin dengan kerjasama semua ahli kumpulan kami akan mempersembahkan projek *story sacks* dengan lancar dan jayanya. Murid yang kami dapat untuk projek kami adalah merupakan murid-murid

pemulihan yang comel dan kecil-kecil. Respons yang baik telah diberikan oleh mereka ketika sesi bercerita berlangsung.

Seterusnya, setelah selesai sesi bercerita kami juga menjalankan aktiviti yang berteraskan 3M iaitu kemahiran asas untuk pelajar sekolah membaca, menulis dan mengira. Kami berpuas hati kerana murid Sekolah Kebangsaan Bukit Gambir kerana mereka berusaha untuk menjawab soalan yang kami sediakan. Terdapat sesetengah murid lebih gemar dalam aktiviti mengira. Mereka juga berebut untuk menjawab soalan yang telah kami sediakan. Di samping itu, kami juga menjalankan sesi menyanyi lagu seperti “baby shark du du” bagi menarik lagi perhatian mereka. Sesi nyanyian dilakukan selang seli dengan aktiviti 3M. Perasaan puas hati kami tidak dapat terkata kerana mereka memberi kerjasama yang baik. Kami juga telah menyediakan sedikit hadiah iaitu topeng haiwan yang telah kami sediakan.

SELEPAS

Terdapat pelbagai perkara baharu yang saya perolehi dalam menjayakan projek *story sacks* kumpulan kami. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Fadzilah Amzah dan Dr Rozniza Zaharudin atas kesudian mereka untuk meluangkan masa memberi tunjuk ajar dan membimbing saya dan ahli kumpulan 1 dalam menyempurnakan tugas ini. Mereka juga menerangkan dengan jelas dan terperinci tentang cara-cara untuk menceritakan di hadapan murid-murid. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kumpulan 1 iaitu Aidiel, Abidi, Fikrah, Dora, Syuhada, Ayuni, Fatihah, Najiha dan Masyitah yang banyak membantu saya dalam menyiapkan tugas *story sacks* ini dengan sempurna. Dengan meluangkan masa bersama mereka sepanjang menyiapkan projek kami ini, saya telah mendapati bahawa semangat kerjasama merupakan satu elemen penting yang perlu diamalkan. Hal ini demikian kerana, melalui semangat kerjasama kami dapat menghasilkan tugas *story sacks* kami yang berkualiti. Pada pendapat saya, projek seperti bercerita menggunakan konsep *story sacks* kepada kanak-kanak amat membantu dalam menarik minat mereka untuk belajar. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan lagi kemahiran asas 3M dalam diri setiap pelajar.

NAMA : MASYITAH BINTI ABD RASHID

NO MATRIK : 144363

SEBELUM PELAKSANAAN

Perkara yang saya pelajari sebelum ke sekolah bagi melakukan projek Story Sacks ini adalah kerjasama. Kerjasama dalam sesuatu kumpulan itu sangat penting dan merupakan kunci utama sesuatu projek itu berlangsung. Tanpa kerjasama kami tidak akan dapat menghasilkan story sacks yang menarik. Contohnya, setiap kali perjumpaan setiap orang akan memainkan peranan masing -masing dan akan membantu rakan - rakan yang lain yang memerlukan bantuan. Selain itu, tolak ansur juga penting dalam kerja berkumpulan. Saya bersyukur kerana ahli kumpulan saya tidak mempunyai sebarang masalah dalam menerima pendapat yang diberikan. Apabila pendapat dikemukakan, kami akan berbincang terlebih dahulu. Kami tidak membuat keputusan bulat - bulat tanpa berbincang terlebih dahulu. Contohnya, kami berbincang dengan terlebih dahulu tentang penambahan watak ke dalam jalan cerita. Setelah mendapat kata sepakat, kami sebulat suara bersetuju dengan penambahan watak tersebut.

SEMASA

Di samping itu, kami juga turut menimba banyak pengalaman amat berharga sepanjang menjalankan aktiviti tersebut. Semua murid memberi kerjasama yang baik dan memberikan respon yang positif. Semasa soalan diajukan kepada murid-murid tersebut, mereka bersemangat dan berlumba- lumba dalam menjawab soalan yang diberikan. Selain itu, saya juga memperoleh pengetahuan tentang keberkesanan penggunaan alat bantu mengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

SELEPAS

Untuk penambahbaikan pada masa akan datang, persediaan hendaklah dilakukan dengan lebih awal dari segi penyediaan bahan. Hal ini kerana boleh menghasilkan bahan yang lebih menarik. Selain itu, keyakinan diri perlulah ada semasa menjalankan aktiviti bersama murid-murid tersebut. Namun begitu, kerja projek ini tidak akan dapat berjalan dengan lancar tanpa rakan-rakan seperjuangan saya.

NAMA: MUHAMMAD AIDIEL FAIQ BIN MAZLAN

NO.MATRIK: 143071

Tugasan story sacks ini merupakan tugas yang agak mencabar berbanding dengan tugas subjek lain dan ianya merupakan pengalaman yang baru untuk diri saya sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui tugas story sacks ini, sedikit sebanyak mengajar saya bagaimana untuk menjadi seorang guru yang kreatif dalam usaha untuk mengajar murid-murid di sekolah, khususnya murid-murid berkeperluan khas. Melalui tugas ini, ianya telah meningkatkan lagi daya kreativiti saya untuk menggunakan bahan-bahan untuk mencipta sesebuah Alat Bantu Mengajar (ABM) bagi sesi pengajaran dan pembelajaran.

SEBELUM

Sebelum melaksanakan projek story sacks ini, ahli kumpulan 1 termasuk saya telah menghadapi kesukaran untuk memilih cerita yang sesuai dengan tahap umur murid-murid. Hal ini dikatakan demikian kerana penceritaan kanak-kanak yang mempunyai elemen 3M iaitu membaca, menulis dan mengira agak sedikit. Kami terpaksa berebut dengan ahli kumpulan yang lain. Berkat kerjasama dan kreativiti ahli kumpulan, kami telah bersetuju untuk memilih cerita kanak-kanak yang bertajuk “Sang Kancil dan Helahnya”. Rasional kami memilih tajuk ini adalah untuk memberi gambaran kepada murid-murid mengenai kelebihan menjadi seseorang manusia yang cerdik.

SEMASA

Setelah bersetuju dengan jalan cerita “Sang Kancil dan Helahnya”, ahli kumpulan 1 termasuk saya telah bekerjasama untuk menyiapkan props dan bahan-bahan sokongan. Ketua kumpulan kami, iaitu Fikrah telah membahagikan tugas mengikut keperluan story sacks tersebut. Umumnya, kumpulan kami telah dibahagikan kepada dua kumpulan kecil, iaitu kumpulan penghasilan props dan bigbook serta kumpulan pelakon. Walaubagaimanapun, kumpulan pelakon telah membantu kumpulan props untuk menyiapkan props dan bigbook tersebut dengan lebih cepat. Kami telah menggunakan bahan-bahan seperti kapas dan kain untuk menghiasi bigbook kami. Ia mengambil masa lebih kurang dua minggu lebih untuk kami menyiapkan bahan-bahan story sacks tersebut.

SELEPAS

Selepas menyiapkan props dan big book serta membuat latihan berlakon, saya bersama rakan-rakan telah melawat ke sekolah SK Bukit Gelugor untuk melaksanakan tugas kami. Responden yang kami peroleh merupakan murid-murid aliran perdana, iaitu terdiri daripada murid darjah 2 dan darjah 5. Pada permulaannya, saya berasa amat gementar dan takut. Hal ini dikatakan demikian kerana ini merupakan pengalaman yang pertama saya untuk berlakon di hadapan murid-murid. Saya menyedari bahawa untuk berlakon di hadapan murid-murid bukanlah sesuatu yang mudah, khususnya bagi mereka yang cetek dengan pengalaman seperti saya. Seperti yang diharapkan, saya dan ahli kumpulan telah berjaya menceritakan kisah “Sang Kancil dan Helahnya” dengan amat baik. Responden juga telah memberikan kerjasama dan komitmen yang amat tinggi terhadap penceritaan kami. Hal ini dapat dibuktikan melalui berlakunya perebutan untuk membuat sesebuah aktiviti seperti “Spider Word”. Hal ini demikian kerana mereka tertarik dengan cara kami mengajar suku kata untuk sesebuah perkataan. Sebagai contoh, seorang pelajar yang bernama Chun Kiat telah membuang perasaan malunya untuk menjawab dan menyertai aktiviti yang disediakan oleh saya dan ahli kumpulan yang lain. Namun begitu, terdapat seorang pelajar yang agak pasif kerana malu. Sebagai bakal seorang guru, saya dan ahli kumpulan telah berjaya memujuknya untuk menyertai aktiviti kami dengan memberinya hadiah. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi murid-murid lain untuk menjawab soalan dan menyertai aktiviti-aktiviti kami. Melalui penceritaan melalui story sacks ini, saya sedar bahawa terdapat jurang perbezaan yang amat besar mengenai kaedah untuk mengajar murid-murid di tahap rendah dan tahap menengah.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Fadzilah binti Amzah dan Dr Rozniza binti Zaharudin atas kesudian mereka untuk memberi tunjuk ajar serta komen yang memberangsangkan terhadap persiapan awal kumpulan kami. Mereka juga menerangkan mengenai cara-cara yang sesuai untuk menarik minat murid-murid untuk memberi tumpuan terhadap apa yang hendak disampaikan oleh saya dan ahli kumpulan. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kumpulan 1, iaitu Fikrah, Abidi, Fatihah, Ayuni, Syuhada, Esther Dora, Masyitah, Afhiza dan Najiha yang memberikan komitmen yang amat tinggi untuk menyiapkan story sacks ini. Dengan terlaksananya projek ini, saya sedar bahawa tanpa kerjasama dalam sesebuah kumpulan, ianya agak mustahil untuk menyiapkan bahan-bahan dalam tempoh yang ditetapkan. Melalui kerjasama yang diberikan oleh saya dan ahli kumpulan, kami telah berjaya menghasilkan sebuah story sacks yang dapat menarik minat murid-murid yang kami peroleh.

NAMA: NOR FATIHAH BINTI ABDUL SANI

NO.MATRIK: 140757

Sebelum

Projek ‘*story sack*’ atau karung cerita merupakan projek yang sangat memerlukan kreativiti serta kerjasama semua pihak. Kumpulan kami terdiri daripada gabungan beberapa orang lelaki dan perempuan. Walaupun kami tidak pernah berkekerjasama sebagai kumpulan sebelum ini, akan tetapi kami mudah mesra mungkin kerana sikap keterbukaan setiap ahli kumpulan. Saya berasa sangat gembira dapat untuk berkawan dan mengenali ahli kumpulan saya dengan lebih rapat.

Setiap ahli kumpulan mengeluarkan pendapat masing-masing dan tidak pasif ketika melaksanakan projek ini. Oleh hal yang demikian, semua kerja menjadi lancar. Jika terdapat beberapa perkara yang tidak sesuai apabila melakukan tugas, ahli kumpulan yang lain akan cepat memberikan respon serta memperbetulkan perkara tersebut. Saya berasa sangat bersyukur kerana ahli kumpulan kami sangat kreatif dan mempunyai kreativiti yang tersendiri ketika melaksanakan big book atau buku besar. Kami bersama-sama menyumbangkan idea bagi menghasilkan cerita yang menarik dan dapat memberikan teladan kepada kanak-kanak.

Kami telah dibahagikan tugas masing-masing untuk mendapatkan bahan yang perlu digunakan ketika aktiviti 3M iaitu membaca, menulis dan mengira dijalankan. Saya, Ayuni dan Masyitah telah diberikan tugas untuk menguruskan aktiviti membaca bersama kanak-kanak. Kami telah bersetuju untuk melakukan aktiviti ‘*spider words*’ sebagai aktiviti membaca untuk kanak-kanak. Kami telah merancang dan membuat aktiviti tersebut bersama-sama. Di samping itu, kami juga membantu ahli kumpulan yang lain untuk membuat ‘*big book*’ serta aktiviti yang lain dirancang untuk dipersembahkan kepada kanak-kanak.

Setelah siap segala bahan-bahan sokongan daripada kumpulan kami, kami diamanahkan untuk mempersembahkan ‘*story sack*’ kepada rakan-rakan kami yang lain di hadapan dewan kuliah yang dilihat oleh pensyarah-pensyarah kami iaitu Dr Rozniza dan Dr Fadzilah serta rakan-rakan pendidikan khas yang lain. Segala kritikan serta teguran yang membina daripada kedua pensyarah kami dan kami menerima dengan baik dan kami cuba untuk memperbaiki *story sack* kumpulan kami untuk menjadi lebih menarik.

Semasa

Pada 22 April 2019 (Isnin) merupakan hari kumpulan kami untuk mempersembahkan *story sacks* yang telah kami siapkan dari segi bahan-bahan sokongan dan buku cerita. Kami mempersembahkan *story sack* kami yang berkisarkan ‘Si Kancil dan Helahnya’ kepada kanak-kanak Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor yang diamanahkan oleh pensyarah kami. Sebelum kami memulakan *story sacks* kami, kami berkesempatan untuk berjumpa Guru Besar SK Bukit Gelugor. Guru Besar memberi sedikit harapan untuk kami memberi sedikit pembelajaran yang menggunakan kaedah yang bebeza iaitu melalui bercerita kepada pelajar-pelajarnya. Seterusnya, guru besar telah mengamanahkan guru lain untuk menguruskan pelajar yang akan kami dapat.

Selepas guru membahagikan pelajar kepada kami, kumpulan kami terus menyediakan kelengkapan bahan-bahan untuk *story sacks* kami. Kami memulakan *story sacks* kami dengan memperkenalkan diri dan menyanyi untuk mengambil mood kanak-kanak tersebut. Semasa sesi bercerita bermula, saya mendapati bahawa kanak-kanak tersebut bersemangat untuk mengetahui sesuatu perkara yang baru.

Ketika aktiviti 3M dijalankan kanak-kanak semua menunjukkan semangat untuk menjawab. Tetapi ada dikalangan mereka yang berani untuk menjawab walaupun jawapan itu salah dan ada yang hendak jawab tetapi masih tidak mengetahui jawapannya. Pemberian cenderahati diberikan kepada semua pelajar yang berusaha untuk menjawab soalan yang ditanyakan oleh ahli kumpulan kami termasuk saya yang mengendalikan aktiviti 3M kumpulan kami. Saya rasa amat gembira melihat keseronokan mereka mendengar cerita dan membuat aktiviti bersama-sama dengan ahli kumpulan kami.

Selepas

Perkara yang saya dapat setelah selesainya *story sacks* daripada kumpulan kami iaitu kepentingan dalam memberikan kemahiran 3M melalui kaedah yang berbeza. *Story Sacks* ini sangat membantu dalam menyampaikan satu objektif iaitu bercerita kepada kanak-kanak sambil mereka mempelajari sesuatu daripada cerita tersebut secara tidak langsung. Kemahiran 3M dapat dipupuk melalui kaedah interaksi yang berbeza daripada setiap ahli kumpulan kerana bergantung kepada kreatifnya seorang pencerita bercerita menggunakan intonansi suara, bahasa badan dan sebagainya untuk menarik perhatian dan minat kanak-kanak tersebut. Akhir sekali, kemahiran 3M yang dipelajari oleh kanak-kanak secara tidak langsung dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka sama ada di rumah, di sekolah dan sebagainya.

NAMA : NURNAJIHA BINTI MOHAMAD HARON

NO. MATRIK : 142972

SEBELUM

‘Story sacks’ merupakan satu tugas yang berbeza daripada tugas kursus lain, dimana kami telah diminta untuk bercerita sambil menekankan kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kaedah ini adalah sangat menarik terutama sekali untuk pelajar pemulihan khas ini. Kaedah ini dapat menarik perhatian mereka untuk memberikan perhatian semasa ianya disampaikan. Pada mulanya, saya berasa tugas ini agak sukar untuk dibuat kerana kami perlu memikirkan idea sendiri dan perlu kreatif untuk menyediakan bahan-bahan serta buku cerita tersebut. Namun, hasil kerjasama daripada semua ahli kumpulan, ‘story sacks’ ini berjaya dihasilkan dengan baik tanpa ada sebarang masalah.

SEMASA

Pada hari kejadian, pelbagai perasaan bercampur baur timbul dalam diri ini. Perasaan gementar amat kuat menghantui diri, mungkin kerana ini merupakan kali pertama kami melakukan aktiviti yang lain daripada lain seperti bercerita ini. Namun perasaan teruja lebih menguasai kerana saya percaya dengan kerjasama yang telah diberikan oleh semua ahli dalam kumpulan kami mampu menjalankan projek ‘story sacks’ ini berjalan dengan lancar.

Pelajar-pelajar pemulihan yang menjadi anak murid kami untuk projek ‘story sacks’ ini amatlah comel dan sangat bijak. Pada awal proses bercerita, saya mendapati bahawa mereka tidak memberi sepenuh perhatian kepada cerita yang disampaikan. Hal ini demikian kerana, projek ini dilakukan di dalam dewan sekolah, dimana dalam dewan tersebut telah menempatkan kumpulan lain juga. Oleh itu, apabila kumpulan lain membuat aktiviti seperti menyanyi dengan memasang muzik yang kuat dan sebagainya, mereka lebih tertarik untuk melihat aktiviti tersebut. Namun begitu, pencerita kami berjaya menarik semula perhatian murid-murid ini untuk mendengar cerita yang disampaikan.

Selepas bercerita, kami teruskan dengan aktiviti yang telah disediakan. Disini saya mendapati bahawa murid-murid pemulihan khas ini sangatlah bijak kerana boleh menjawab kesemua soalan yang telah diajukan tetapi ada juga segelintir yang malas dan langsung tidak ingin cuba untuk menjawab. Hal ini telah menyebabkan kami terpaksa menyebut nama setiap

murid bagi membolehkan mereka semua untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang disediakan. Saya juga mendapati bahawa murid-murid ini sangat mahir dan pandai terutamanya dalam kemahiran mengira.

SELEPAS

Terdapat pelbagai perkara baharu yang telah saya perolehi dalam menjayakan projek ‘story sacks’ ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang kami menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga, kepada kesemua ahli kumpulan saya yang paling banyak membantu serta sangat bertolak ansur sepanjang proses penyiapan projek ini berlangsung. Kesimpulannya, saya mendapati bahawa kaedah bercerita ini amatlah berkesan dan menarik dalam menyampaikan atau mengajar kemahiran asas 3M kepada murid-murid sekolah rendah terutamanya murid pemulihan khas.

NAMA: ESTHER DORA MUSTAPPA

NO. MATRIK : 140872

SEBELUM

Kumpulan *story sacks* yang dibentuk adalah berdasarkan undian oleh pensyarah bagi memastikan pemilihan kumpulan adalah adil. Pemilihan kumpulan yang ditentukan oleh pensyarah menyebabkan saya berkesempatan untuk bekerjasama dengan rakan-rakan yang sebelum ini belum pernah lagi berada dalam kumpulan yang sama untuk membuat tugasan berkumpulan, hal ini secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan antara kami sesama. Setelah pembentukan kumpulan dilakukan, kami sekumpulan telah sepakat untuk memilih salah seorang daripada kami untuk menjadi ketua kumpulan dan ketua kumpulan kami itu telah berjaya menjalankan tugas sebagai ketua kumpulan yang baik. Meskipun kami sekumpulan sibuk dengan pelbagai tugas subjek yang lain namun kumpulan kami tetap berjaya memberi komitmen untuk membuat perjumpaan kumpulan bagi membincangkan tugasan *story sacks* ini pada masa yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh semua ahli kumpulan.

Semasa proses penyediaan *story sacks*, kami sekumpulan telah berbincang dan bekerjasama untuk menyumbangkan idea agar dapat menghasilkan *story sacks* yang menarik,

cantik dan paling penting dapat menepati kehendak pensyarah. Kami sekumpulan juga telah berbincang tentang aktiviti-aktiviti yang akan kami jalankan bersama pelajar semasa hari membuat persembahan *story sacks* di sekolah, aktiviti yang kami jalankan haruslah berteraskan 3M iaitu tiga kemahiran asas untuk pelajar sekolah iaitu menulis, membaca dan mengira. Kami juga ada berjumpa dengan Dr Rozniza untuk berbincang dan mendapatkan nasihat, idea serta pandangan dan hal ini sedikit sebanyak telah membantu kami semasa menyediakan *story sacks*. Kumpulan kami juga telah membuat persembahan *story sacks* di hadapan Dr Rozniza dan Dr Fadzilah serta rakan-rakan sekelas yang lain dan segala kritikan, komen serta teguran yang kumpulan kami perolehi kami terima dengan baik kerana kritikan, komen dan teguran itu telah membantu kumpulan kami untuk menghasilkan *story sacks* yang lebih baik.

Berasa penat dan lelah semasa melakukan sesuatu tugas adalah perkara biasa, tidak dinafikan semasa proses menyediakan *story sacks*, kadang kala kumpulan kami terpaksa berjaga hingga lewat malam untuk menyiapkan tugas ini. Namun begitu, penat lelah kami tidak sia-sia kerana kami pada akhirnya kami berjaya menghasilkan *story sacks* yang memuaskan hati kami sekumpulan. Bukan itu sahaja, saya juga amat bersyukur dan gembira kerana mempunyai ahli kumpulan yang kreatif dan aktif sehingga kami berjaya menghasilkan *story sacks* yang memuaskan hati. Semua ahli kumpulan telah memainkan peranan masing-masing dan berjaya mempamerkan semangat kerjasama yang baik. Semasa menyediakan *story sacks*, kumpulan kami telah menggunakan bahan-bahan terpakai seperti kotak, kapas dan banyak lagi serta bahan semulajadi seperti daun pokok, hal ini bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran bagi membeli bahan di samping mengekalkan elemen kelestarian dalam menghasilkan sesuatu benda

SEMASA

Tidak dinafikan semua ahli kumpulan kami mempunyai perasaan yang bercampur baur apabila tibanya hari untuk kami mempersembahkan projek *story sacks* kami di hadapan kanak-kanak di sebuah sekolah kebangsaan yang telah dipilih oleh pensyarah. Secara individu, sejurnya saya berasa amat gementar kerana ini merupakan pengalaman pertama saya berhadapan dengan pelajar sekolah untuk mempersembahkan projek *story sacks* kami, saya juga sedikit risau tentang penerimaan pelajar di sekolah tersebut terhadap *story sacks* kami, adakah mereka akan menyukai cerita dan aktiviti kami? Bagimanakah reaksi mereka nanti? Adakah mereka akan berasa gembira dengan kehadiran kami? Adakah mereka akan memberi tumpuan dan melibatkan diri dalam aktiviti yang kami adakan? Persoalan-persoalan inilah yang

muncul di minda saya pada hari kejadian tersebut. Namun begitu, perasaan teruja dalam diri saya melebihi rasa gementar kerana saya teruja dan tidak sabar untuk berjumpa dengan pelajar-pelajar di sekolah tersebut kerana saya berpendapat bahawa di masa akan datang saya juga akan menjadi seorang guru dan saya haruslah mempunyai keyakinan dan seharusnya boleh menyesuaikan diri untuk berhadapan dengan pelajar sejak dari sekarang lagi. Bukan itu sahaja, saya juga teruja untuk mempersembahkan projek *story sacks* kami kerana saya yakin pelajar-pelajar tersebut akan menyukai *story sacks* kami kerana kumpulan kami telah berusaha untuk menyediakan *story sacks* yang cantik dan dapat menarik hati pelajar.

Semasa kami menjalankan persembahan *story sacks* dan aktiviti bersama pelajar di sekolah tersebut, kumpulan kami mendapat respons yang sangat baik daripada para pelajar. Hal ini sudah pasti memberi kepuasan dan kegembiraan kepada kumpulan kami kerana pelajar-pelajar tersebut memberi respon yang baik serta melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti yang kami jalankan yang mana aktiviti yang telah kami jalankan bersama pelajar adalah berteraskan 3M iaitu tiga kemahiran asas untuk pelajar sekolah iaitu menulis, membaca dan mengira. Kesemua pelajar tersebut berjaya menjawab semua soalan yang disediakan dalam aktiviti kami, malah mereka saling bersaing dan berebut untuk mencuba menjawab soalan yang diajukan. Saya juga berasa bangga akan kumpulan kami kerana kami telah berjaya mengawal pelajar serta keadaan dengan baik dari awal sehingga tamat aktiviti kami di sekolah tersebut. Kami juga amat bersyukur, berpuas hati dan gembira kerana persembahan *story sacks* dan kesemua aktiviti yang telah kami rancang kami berjalan dengan lancar dan teratur.

SELEPAS

Melalui tugasan berkumpulan ini, saya telah mendapat banyak pengalaman baharu sehingga kami berjaya menjayakan projek *story sacks* kumpulan kami. Melalui tugasan kumpulan ini juga saya dapat memupuk, memperbaikidan meningkatkan semangat kerjasama dalam diri saya. Bukan itu sahaja, tugas ini juga sedikit sebanyak dapat membantu melatih kemahiran komunikasi interpersonal saya sebagai seorang bakal guru. Bukan itu sahaja, tugas ini juga telah membantu memperbaiki komunikasi interpersonal saya bukan sahaja bersama ahli kumpulan saya namun juga pelajar-pelajar di sekolah yang kami telah pergi. Sebagai tambahan, tugas ini juga telah menyedarkan saya betapa pentingnya kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) dalam kalangan pelajar sekolah. Pada pendapat saya, pengajaran kemahiran 3M melalui aktiviti yang menarik amat penting kerana dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Projek *story sacks* merupakan salah satu kaedah yang boleh

dipraktikkan di sekolah kerana kaedah ini dapat menarik minat pelajar untuk belajar kerana bukan sahaja mereka dapat berhibur tetapi pada masa yang sama mereka juga akan belajar.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Rozniza dan Dr Fadzilah atas tunjuk ajar serta bimbingan yang diberikan terhadap saya dan ahli kumpulan saya dalam menyempurnakan tugas ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada ahli kumpulan saya yang telah memberi kerjasama yang baik semasa menjalankan tugas ini, saya berasa amat gembira serta berpuas hati kerana dapat bekerjasama bersama ahli kumpulan yang baik dan mempunyai semangat kerjasama yang baik sehingga berjaya menjalankan projek *story sacks* dengan jayanya.

NURUL FIKRAH FIKRAH BINTI AZIZ (141428)

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya menyiapkan tugas yang diberikan bagi mata pelajaran Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira dalam Pendidikan Khas (PPK 221) sidang akademik 2018/ 2019 semester 2. Kami telah diberikan tanggungjawab untuk kami menyempurnakan laporan pembinaan *story sacks* yang telah diusahakan yang bertajuk “ Sang Kancil dan Helahnya” ini bagi memenuhi keperluan subjek ini. Projek *story sack* telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Bukit Gelugor, Pulau Pinang pada hari Isnin bersamaan dengan 22 April 2019.

Antara pengalaman yang saya dapat saya perolehi ialah projek ini mampu melatih cara komunikasi saya dengan pelbagai pihak terutama dengan ahli kumpulan ketika perbincangan dijalankan. Saya belajar membina satu komunikasi yang berkesan agar kami semua dapat mencapai kelangsungan projek pada hari yang telah ditetapkan.

Selain itu, saya juga mempelajari cara-cara untuk menguruskan sesuatu program penceritaan kepada murid-murid sekolah. Sebagai bakal guru, kita bukan sahaja perlu mengajar di dalam kelas, melahirkan anak muda yang cemerlang bahkan kita perlu menguruskan pelbagai program-program di sekolah. Oleh itu, program ini telah memberi tunjuk ajar kepada kami sebagai bakal pendidik.

Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan program *story sack* walaupun gerak kerja agak tidak tersusun dan ketidaktelusan maklumat serta salah faham yang berlaku antara ahli kumpulan namun semua perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan projek dapat dijalankan dengan jayanya. Selain itu, tugas yang diberikan ini menjadikan saya

lebih yakin dan matang dalam melontarkan idea dan menyelesaikan masalah dalam menguruskan hal luar dan mampu berkomunikasi bukan sahaja dengan rakan sekerja bahkan dengan masyarakat luar juga.

Kesimpulannya, program *story sack* memberi pencapaian pertama kepada saya dan juga pengalaman bermakna kepada saya. Tanggungjawab yang diletakkan di bahu saya ini, saya cuba pikul dengan sebaiknya. Kepencangan yang berlaku diharapkan tidak diulangi lagi. Sekian, terima kasih.

NAMA: NURUL AYUNI HASANAH BINTI MOHD SABERI

NO.MATRIK: 142994

Sebelum

Kumpulan kami telah memilih cerita Si Kancil dan helahnya untuk menjayakan *story sacks* yang mempunyai ahli seramai sepuluh orang iaitu lapan perempuan dan dua lelaki. Kami merupakan kumpulan pertama yang diketuai oleh Fikrah telah mendapat sekolah kebangsaan Bukit Gelugor. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kumpulan kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang perlaksanaan *story sacks* ini, kami telah berusaha sedaya upaya untuk melakukan yang terbaik. Mempunyai ahli seramai sepuluh orang telah menyebabkan kumpulan kami mampu membuat props dan buku cerita yang sangat kreatif, aktiviti yang dijalankan juga sangat menarik. Syuhada merupakan *narrator* kumpulan kami, manakala saya, fatihah, ester, abidi dan aidiel memegang watak sebagai sang kerbau, sang kancil, sang buaya, sang ular dan pak belang. Kami memberikan komitmen pada setiap perjumpaan, memandangkan cerita ini merupakan cerita yang sering didengari oleh pelajar ia menjadi satu cabaran untuk kumpulan kami supaya menjadikan penceritaannya menarik.

Ketua kumpulan telah membahagikan tugas masing-masing kepada setiap ahli kumpulan untuk melancarkan gerak kerja kumpulan. Setiap ahli perlu membuat satu bahagian dalam *story sacks* dan bahagian aktiviti. Kami menggunakan bahan-bahan yang terpakai seperti tisu, kapas, plastic dan kotak untuk menyiapkan props dan mengurangkan perbelanjaan sekali gus, dapat mengelakkan pembaziran bahan terbuang.

Apabila kumpulan kami telah selesai menyiapkan buku cerita dan aktiviti kami perlu membuat demostrasi di hadapan pensyarah iaitu Dr Roz dan Dr Fadhilah supaya kami dapat memperbaiki story sacks yang dihasilkan. Dr memberitahu kami untuk menamakan aktiviti yang dilakukan dengan nama haiwan dan membuat topeng bagi setiap watak.

Semasa

Kumpulan kami telah memilih 22 April 2019 iaitu hari isnin untuk menceritakan cerita kami kepada murid-murid pemulihan sk Bukit Gelugor. Bahan story sacks telah diletakkan dalam satu guni bagi memudahkan kumpulan kami untuk mencari barang seperti props dan bahan aktiviti. Cikgu Nurul telah mengagihkan murid-murid kepada beberapa kumpulan. Kami mendapat murid pemulihan yang lemah namun iai tidak menjadi penghalang untuk kami. Kami menyediakan bahan-bahan yang diperlukan untuk penceritaan. Aktiviti pertama sebelum memulakan cerita adalah bernyanyi bersam murid-murid tersebut iaitu lagu “jika rasa gembira”. Murid-murid tersebut sangat teruja dan aktif dalam melakukan aktiviti yang disediakan oleh kumpulan kami.

Selain itu, setiap murid-murid tersebut mempunyai kelemahan yang berbeza seperti tidak tahu bertutur Bahasa melayu tetapi tahu menyanyi lagu kanak-kanak, ada juga yang tahu mengira tetapi tidak mahu membuat aktiviti dan pelbagai lagi.

ABM yang digunakan oleh kumpulan kami pula menarik perhatian murid-murid tersebut kerana mereka kelihatan bersemangat untuk melakukan aktiviti. Semua ahli mempunyai ABM masing-masing, kami akan memberikan kata-kata semangat setiap kali murid-murid tersebut berjaya menyelesaikan aktiviti. Kami berasa sangat gembira apabila mereka ingin melakukan aktiviti lagi namun kekangan waktu menyebabkan kami perlu berhenti lebih awal.

Selepas

Banyak perkara baru yang saya perolehi melalui *story sacks* ini, yang pertama ialah melakukan kerja berkumpulan memerlukan kerjasama yang tinggi dan komitmen daripada semua ahli. Seterusnya, meningkatkan kemahiran saya untuk menarik minat pelajar dan cara mengajar yang menarik untuk memudahkan murid menguasai 3M. Penceritaan ini memberi pelbagai manfaat kepada murid-murid apabila ia dapat memberikan pengajaran dan nilai-nilai murni malah mempelajari 3M dengan lebih seronok, mereka juga akan menguasai pembendaharaan kata.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, *story sacks* adalah salah satu cara yang sesuai digunakan oleh guru-guru untuk memastikan murid dapat menguasai asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kemahiran 3M penting bagi memastikan murid-murid dapat mengikuti pembelajaran di dalam kelas. Guru perlulah mempunyai kreativiti untuk membuat pelajar lebih tertarik untuk belajar, 3M digunakan dalam aktiviti harian oleh itu mereka perlu menguasainya. Ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan masing-masing seperti membeli buku cerita sebagai galakkan untuk murid membaca.

Oleh itu, guru perlu mempelbagaikan cara mengajar agar sesuatu pengajaran menjadi lebih menyeronokkan dan menarik serta memberi input kepada murid. *Story Sacks* adalah salah satu cara mengajar yang menarik kerana terdapat elemen-elemen yang menarik murid untuk focus dan menyertai aktiviti yang dilakukan. Murid-murid akan belajar tanpa mereka sedar kerana mereka leka dengan penceritaan dan aktiviti yang dilakukan. Peranan penting perlu dimainkan untuk mengelakkan murid-murid ini terus tersisih apabila mereka tidak menguasai 3M, kita perlulah mengikuti keupayaan mereka dan tahap penerimaan mereka dalam pembelajaran.

Pendekatan yang menarik dan kreatif perlu ditingkatkan dalam pembelajaran supaya murid-murid sentiasa minat dan tidak bosan apabila belajar. Oleh itu, kemahiran seorang guru dalam pengajaran dapat mengatasi masalah 3M.